

24 MAY 2003

BSKL-MINGGUAN/I

SAHAM KL DIJANGKA BERADA DALAM ALIRAN MENINGKAT MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka berada di paras 650 hingga 670 mata minggu depan berikutan reaksi memberangsangkan terhadap langkah-langkah baru yang diumumkan oleh kerajaan yang dijangka menghasilkan pulangan bagi tempoh sederhana hingga jangka panjang.

Para penganalisis pasaran berkata "isyarat" kelihatan positif dengan penyertaan pengurus dana tempatan terpilih dan Valuecap Sdn Bhd serta minat daripada pembeli asing telah merangsangkan bursa tempatan susulan pengumuman pakej ekonomi baru pada Rabu lalu.

"Kami percaya aliran positif itu akan berterusan kerana langkah-langkah tersebut jelas telah membawa keyakinan dan minat kepada pelabur," kata seorang penganalisis.

Pakej RM7.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu telah memasukkan langkah potongan kadar campur tangan sebanyak 50 mata asas, bonus setengah bulan gaji bagi kira-kira 850,000 kakitangan kerajaan dan pengurangan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan kepada 9.0 peratus daripada 11 peratus.

Sementara itu, seorang penganalisis lain berkata pasaran akan mengikuti dengan rapat berita-berita terbaru berkaitan Maxis, berikutan ura-ura bahawa tiga dana tempatan telah memperolehi 10.61 peratus pegangan dalam syarikat itu dengan harga RM1.3 bilion.

Beliau juga berkata unjuran bahawa ekonomi domestik berkembang pada 4.5 peratus tahun ini dan fasa terakhir penyelarasan semua saiz lot dagangan pada 100 unit bagi sekuriti yang diniagakan di BSKL pada 26 Mei ini akan terus memberi sokongan kepada pasaran.

Penanda aras pasaran, Indeks Komposit (IK) ditutup tinggi pada minggu yang baru berakhir ini naik 8.63 mata atau 1.13 peratus pada 650.08 mata, penutupan tertinggi dalam tempoh hampir tiga bulan ini hasil daripada reaksi positif kepada inisiatif yang diumumkan dalam pakej ekonomi tersebut.

Saham wajaran berat, kewangan, dagangan serta perjudian dan hiburan menyumbang kepada kenaikan kukuh ini.

Bagi asas mingguan, IK meningkat 14.62 mata kepada 650.88 daripada 636.26 pada minggu sebelumnya.

Indeks Emas naik 3.44 mata kepada 158.95 daripada 155.51 manakala Indeks Papan Kedua menambah 2.13 mata kepada 95.01 berbanding 92.88 sebelumnya.

Indeks Perusahaan naik 10.82 mata kepada 1,428.24 berbanding 1,417.42 manakala Indeks Kewangan menokok 110.83 mata kepada 4,987.84 daripada 4,877.01 sebelumnya.

Jumlah dagangan Papan Utama minggu ini meningkat kepada 1.851 bilion saham bernilai RM980.306 juta daripada 392.261 juta saham bernilai RM821.231 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 213.747 juta saham bernilai RM177.027 juta daripada 97.924 juta saham bernilai RM111.471 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan pasaran MESDAQ turun kepada 10.024 juta saham bernilai RM21.405 juta daripada 11.979 juta saham bernilai RM6.573 juta.

Urusniaga luar pasaran menambah kepada 1.425 bilion saham bernilai RM331.680 juta daripada 27.350 juta saham bernilai RM50.019 juta.

Bagi senarai 10 saham paling cergas, Arab Malaysian Corporation

menambah empat sen kepada 95 sen, diikuti Eden Enterprises yang naik dua sen kepada 81 sen, Mutiara Goodyear Development susut 10 sen kepada RM2.63, Amsteel tidak berubah pada 16 sen manakala Magnum meningkat satu sen kepada RM2.37.

Time Engineering menokok tujuh sen kepada 91 sen, Public Bank naik lapan sen kepada RM2.55, Intria meningkat empat sen kepada 95 sen, Berjaya Group menambah satu sen kepada 16 sen dan Tanah Emas naik lima sen kepada RM1.34.

Dari segi jumlah dagangan, Arab Malaysian Corporation diniagakan 53.105 juta saham, Eden Enterprises 29.816 juta saham, Mutiara Goodyear 29.063 juta saham, Amsteel 25.140 juta saham dan Magnum 24.452 juta saham.

Time Engineering 20.040 juta saham, Public Bank 19.710 juta saham, Intria 19.637 juta saham, Berjaya Group 17.866 juta saham dan Tanah Emas 17.851 juta saham.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 38.610 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan 91.887 juta, pembinaan 73.718 juta, dagangan/perkhidmatan 265.901 juta, teknologi 9.011 juta, prasarana 8.526 juta, kewangan 180.330 juta, hotel 3.626 juta, harta 143.354 juta, perladangan 28.733 juta, perlombongan 4.262 juta, amanah 570,500, dana tertutup 210,000, syarikat di bawah PN4 7.863 juta, pinjaman 11.697 juta, TSR/Warrant 100.064 juta, TSR/Warrants (PN4) 10,000 dan dagangan hak 11.934 juta. -- BERNAMA

FAY FR ZK